

Memanfaatkan cuti sekolah

الْحَمْدُ لِلَّهِ نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا
وَمِنْ سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ وَمَنْ يَضِلَّ فَلَا هَادِيَ لَهُ
وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ
وَرَسُولُهُ اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ
أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ، فَقَدْ فَازَ
الْمُتَّقُونَ.

Marilah kita meningkatkan ketakwaan kepada Allah Subhanahu wa-Taala dengan mengerjakan suruhan dan meninggalkan larangan-Nya. Mudah-mudahan kita mendapat keredhaan Allah di dunia dan di akhirat

Firman Allah Subhanahu wa-Ta'ala dalam surah al Baqarah ayat 132:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
وَوَصَّى بِهَا إِبْرَاهِيمَ بَنِيهِ وَيَعْقُوبَ يَبْنِيَّ إِنَّ اللَّهَ اصْطَفَى لَكُمْ الدِّينَ فَلَا تَمُوتُنَّ
إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ

Yang bermaksud: *Dan Ibrahim serta Yaakub telah berpesan kepada anak-anak mereka, wahai anak-anakku sesungguhnya Allah telah memilih untuk kamu agama maka janganlah kamu mati melainkan dalam keadaan Islam.*

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa-Taala,

Menjadi satu kewajipan ke atas setiap ibu bapa untuk mengambil berat terhadap pembentukan peribadi anak-anak agar mereka menjadi hamba Allah yang beriman dan beramal soleh yang akan memperolehi kesejahteraan hidup di dunia dan akhirat. Allah Subhanahu wa-Taala memerintahkan supaya ibubapa berusaha melindungi anak-anak daripada api Neraka, Firman Allah Subhanahu wa-Taala dalam surah al-Tahrim ayat 6:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا قُوا أَنفُسَكُمْ وَأَهْلِيكُمْ نَارًا

Yang bermaksud: *Wahai orang yang beriman, peliharalah diri kamu dan keluarga kamu daripada api neraka.*

Anak-anak adalah benteng utama pada masa hadapan umat Islam. Kita sangat mengimpikan mereka membesar dalam keadaan sebagai seorang Islam yang beriman, dan beramal solih menjauhkan segala perbuatan mungkar serta sentiasa ingat kepada Allah Subhanahu wa-Taala. Marilah kita melihat bagaimana Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam amat mengambil berat dalam mendidik anak-anak. Mereka dididik dan diasuh agar sentiasa ingat kepada Allah Subhanahu wa-Taala. Apabila anaknya Fatimah memohon daripada Baginda seorang khadam untuk membantunya di rumah, Baginda Sallallahu Alaihi Wasallam telah

menasihati anaknya agar membanyakkan zikir kepada Allah Subhanahu wa-Taala supaya kerja rumah menjadi ringan. Baginda bersabda dalam hadis yang diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari:

أَلَا أَعَلِّمُكُمْ خَيْرًا مِمَّا سَأَلْتُمَنِي، إِذَا أَخَذْتُمَا مَضَاجِعَكُمْ تُكَبِّرَا أَرْبَعًا وَثَلَاثِينَ،
وَتُسَبِّحَا ثَلَاثًا وَثَلَاثِينَ، وَتَحْمَدَا ثَلَاثًا وَثَلَاثِينَ

Yang bermaksud: *Aku akan mengajar kepada kamu suatu perkara yang lebih baik daripada apa yang kamu minta, Apabila kamu berdua hendak tidur maka sebutlah Allahuakbar tiga puluh empat kali, Subhanallah tiga puluh tiga kali dan Alhamdulillah tiga puluh tiga kali.*

Suasana nasihat-manasihati menjadi amalan utama dalam rumah tangga Baginda. Ketika anak tiri Baginda Sallallahu Alaihi Wasallam iaitu Umar bin Abu Salamah yang masih kecil mengambil makanan di sekeliling hidangan, Baginda Sallallahu Alaihi Wasallam telah bersabda dalam hadis yang diriwayatkan oleh Imam Muslim:

يَا غُلَامُ سَمِّ اللَّهَ ، وَكُلْ بِيَمِينِكَ ، وَكُلْ مِمَّا يَلِيكَ

Yang bermaksud: *Wahai budak, bacalah Bismillah, makan dengan tangan kanan dan ambillah makanan yang paling dekat dengan mu.*

Begitulah juga, apabila cucu angkat Baginda Sallallahu Alaihi Wasallam iaitu Usamah bin Zaid merayu agar hukuman kepada pencuri diringankan, Baginda Sallallahu Alaihi Wasallam dengan tegas mendidik Usamah yang masih berusia remaja itu agar berpegang teguh dengan ajaran Islam dengan sabdanya dalam hadis yang diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari:

أَتَشْفَعُ فِي حَدٍّ مِنْ حُدُودِ اللَّهِ وَإِنَّمُ اللَّهُ لَوَ أَنَّ فَاطِمَةَ بِنْتَ مُحَمَّدٍ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ سَرَقَتْ لَقَطَعْتُ لِحْمًا مِنْ يَدِهَا

Yang bermaksud: *Wahai Usamah, adakah kamu hendak membantu untuk melepaskan manusia daripada hukuman Allah Subhanahu wa-Taala, Demi Allah jika Fatimah binti Muhammad mencuri pasti aku akan memotong tangannya.*

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa-Taala,

Kedatangan musim cuti sekolah yang panjang ini adalah peluang bagi setiap ibubapa untuk mengingatkan anak-anak tentang tanggungjawab mereka terhadap Allah Subhanahu wa-Taala. Kita sebagai ibubapa perlu sentiasa mengingatkan anak-anak dengan bersungguh-sungguh supaya tidak mengabaikan ibadat solat. Ingatkan mereka supaya bersegera mendirikan solat, solat secara berjemaah dan membawa anak-anak berjemaah di masjid sebagaimana firman-Nya dalam surah Taha ayat 132:

وَأْمُرْ أَهْلَكَ بِالصَّلَاةِ وَاصْطَبِرْ عَلَيْهَا

Yang bermaksud: *Dan perintahkanlah keluargamu serta umatmu mengerjakan solat dan hendaklah engkau bersabar menunaikannya.*

Dalam masa yang sama penuhilah masa cuti dengan aktiviti yang bermanfaat kepada mereka sebagai seorang Islam. Oleh itu, ibubapa perlu membuat persediaan dan perancangan untuk memenuhi masa cuti anak-anak dengan program-program bermanfaat seperti menghadiri kursus-

kursus fardhu ain, tahfiz al-Quran, kelas-kelas tambahan dan majlis-majlis ilmu. Anak-anak juga boleh didedahkan dengan kem-kem motivasi yang dianjurkan untuk membentuk peribadi mereka.

Jangan biarkan mereka menghabiskan masa cuti dengan aktiviti yang tidak bermanfaat. Amat menyedihkan apabila kita mendapati anak-anak remaja hari ini berpeleseran di pusat-pusat hiburan, di tepi jalanraya berjalan serta duduk berbual tanpa arah tujuan. Lebih menyedihkan lagi anak-anak remaja ini dibiarkan berada di luar rumah sehingga larut malam. Hayatilah sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam hadis yang diriwayatkan oleh al-Tirmizi:

نَعْمَتَانِ مَعْبُودُونَ فِيهِمَا كَثِيرٌ مِنَ النَّاسِ الصَّحَّةُ وَالْفَرَاغُ

Yang bermaksud: *Dua nikmat yang ramai manusia tertipu padanya iaitu kesihatan dan masa lapang.*

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
يَبْنِيَّ أَقِمِ الصَّلَاةَ وَأْمُرْ بِالْمَعْرُوفِ وَأَنْهَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَأَصْبِرْ عَلَى مَا أَصَابَكَ
إِنَّ ذَلِكَ مِنْ عَزْمِ الْأُمُورِ

Yang bermaksud: *Wahai anak kesayanganku, dirikanlah solat dan suruhlah (manusia) berbuat kebaikan, serta laranglah (manusia) daripada melakukan perbuatan yang mungkar dan bersabarlah atas segala bencana yang menimpamu. Sesungguhnya yang demikian itu termasuk hal-hal yang diwajibkan.*

بَارِكِ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ فِي الْقُرْءَانِ الْعَظِيْمِ، وَنَفَعِنِيْ وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيْهِ مِنَ الْآيَاتِ
وَالذِّكْرِ الْحَكِيْمِ، وَتَقَبَّلْ مِنِّيْ وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيْعُ الْعَلِيْمُ. أَقُولُ قَوْلِيْ
هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيْمَ لِيْ وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِيْنَ وَالْمُسْلِمَاتِ،
وَالْمُؤْمِنِيْنَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْعَفُوْرُ الرَّحِيْمُ.